

Tarikh Dibaca: 27 Mei 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“BERLUMBA-LUMBA MELAKUKAN
KEBAIKAN”***

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***

* Mohon tidak meletakkan teks ini dimerata-rata tempat kerana mengandungi ayat al-Quran dan Hadis.



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullallah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**





“BERLUMBA-LUMBA MELAKUKAN KEBAIKAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ... فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ
مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا ...¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita sama-sama merafakkan kesyukuran kehadiran Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala

¹ Surah al-Maidah ; 48.



tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dikalangan orang-orang yang Muttaqin yang mendapat kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Pada saat yang penuh keberkatan ini marilah kita mendengar dan menghayati khutbah Jumaat yang bertajuk; **"BERLUMBA-LUMBA MELAKUKAN KEBAIKAN"**.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Berlumba-lumba melakukan kebaikan adalah satu suruhan Allah SWT dan galakan terhadap hamba-Nya yang beriman agar sentiasa melaksanakannya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 148;

وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّئُهَا ^{صَلِّ} فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَيْنَ مَا
تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا ^ج إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ



"Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblatnya sendiri) yang mereka menghadap kearahnya (ketika solat). Oleh itu, berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan, kerana di mana sahaja kamu berada pasti Allah akan menghimpunkan kamu semua (pada hari kiamat untuk menerima balasan). Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu".

Di sini jelaslah bahawa Islam adalah satu agama yang mengutamakan perkara-perkara kebaikan dan menggalakkan umatnya supaya berlumba-lumba melakukannya. Kebaikan dalam Islam ialah segala perbuatan yang



baik dan bertepatan dengan syariat bahkan diredhai oleh Allah SWT. Ia mencakupi aspek ibadah dan hal-hal kemasyarakatan atau "hablum min Allah" (hubungan dengan Allah) dan "hablum min an-Nas (hubungan dengan manusia). Jadi beriman kepada Allah dan mentaatinya adalah satu kebaikan, keikhlasan niat dan beramal dengan ikhlas adalah satu kebaikan dan melakukan kebaikan sesama manusia adalah satu kebaikan.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Fitrah atau sifat semulajadi manusia sukakan kejayaan dan kemenangan, tiada seorang pun manusia yang waras mahukan kegagalan. Kalah atau menang, Berjaya atau gagal adalah resam kehidupan. Lazimnya, sesiapa yang berusaha dialah yang Berjaya. Untuk berjaya pula perlukan semangat berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan. Semangat ini hendaklah ditanam dan disuburkan dalam hati setiap orang yang beriman.

Justeru dalam melaksanakan kebaikan, janganlah kita berlengah-lengah atau bertanggung-tanggung, laksanakanlah amalan-amalan soleh semasa lapang sebelum sibuk, semasa sihat sebelum sakit, semasa hidup sebelum mati dan sebelum datangnya halangan-halangan yang akan berlaku di hadapan kita yang tidak kita ketahui.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Bersegeralah mengerjakan amal-amal soleh, kerana akan berlaku satu fitnah seperti malam yang sangat gelap. Dalam keadaan itu terdapat juga orang yang disebelah paginya sebagai seorang mukmin dan sebelah petangnya kafir. Begitulah sebaliknya, disebelah petang mukmin dan disebelah paginya kafir. Dia menjual agamanya kerana kepentingan dunia yang sedikit".



(*Riwayat Muslim*).

Muslimin yang dirahmati Allah,

Berlumba-lumba melakukan kebaikan hendaklah berdasarkan keupayaan masing-masing, tidak kira di mana ia berada dan apa jua bidang yang diceburinya. Misalnya, seorang pensyarah di pusat-pusat pengajian tinggi atau guru di sekolah, hendaklah menyampaikan ilmunya kepada pelajar-pelajar atau murid-muridnya dengan sebaik mungkin. Seorang doktor hendaklah melakukan yang terbaik semasa menjalankan tugas merawat pesakit, kakitangan awam atau swasta hendaklah berdedikasi dan berinovasi dalam menjalankan tugasnya, seorang petani hendaklah bersungguh-sungguh untuk mendapatkan hasil pertaniannya dan seorang pemimpin hendaklah menjalankan tugas kepimpinannya dengan sebaik mungkin. Pendek kata, Islam menggalakkan umatnya agar sentiasa berlumba-lumba melakukan amal yang baik mengikut kemampuan, bakat dan kepakaran masing-masing.

Oleh itu, berlumba-lumbalah dan bekerjalah dengan bersungguh-sungguh dan amanah serta berdedikasi, kerana segala kebaikan yang dilakukan semasa di dunia ini akan dihisab oleh Allah SWT dan dipaparkan kepada umum di akhirat kelak serta diberikan ganjaran yang setimpal dengan apa yang telah dilakukan.

Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 105 yang bermaksud:

"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia memberitahu kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".



Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Orang yang beriman dan beramal soleh adalah sebaik-baik umat, kerana ia akan mendapat kedudukan yang tinggi disisi Allah dan beroleh kebahagiaan dan kenikmatan yang tidak ada bandingannya di akhirat kelak. Mereka akan selamat daripada azab Allah SWT dan ditempatkan dalam syurga yang penuh nikmat sebagai ganjaran atas segala amalan kebaikan yang dilakukan di dunia. Inilah janji Allah SWT. Oleh itu bersegeralah mengerjakan amalan-amalan kebaikan bagi mendapatkan keredhaan dan ganjaran pahala yang besar di sisi Allah SWT.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

"Segeralah beramal dengan amalan kebaikan sebelum tiba tujuh perkara. Apakah yang kamu nantikan selain papa yang melupakan atau kekayaan yang menyombongkan atau penyakit yang merosakkan atau tua yang nyanyok atau mati dengan tiba-tiba atau tibanya dajjal yang merupakan sejahat-jahat makhluk yang di tunggu-tunggu atau datangnya hari kiamat. Maka hari kiamat itu adalah lebih berat dan lebih mengerikan".

(Riwayat at-Tirmizi).

Ingatlah wahai orang yang beriman!. Harta kekayaan, anak pinak yang ramai, pangkat kebesaran dan kekuasaan adalah kurniaan Allah SWT kepada hambanya yang merupakan suatu ujian, sama ada ia bersyukur dengan mentaati Allah SWT dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya atau hanyut dan lalai dibuai kemewahan duniawi. Allah SWT menjelaskan bahawa orang beriman yang berlumba-lumba melakukan kebaikan semasa hidupnya adalah orang yang Berjaya



dan berada dalam barisan hadapan di kalangan umat yang lain. Sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Mukminun ayat 61;

أُولَئِكَ يُسْرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَهُمْ لَهَا سَابِقُونَ ﴿٦١﴾

"Mereka itulah orang-orang yang segera mengerjakan kebaikan, dan merekalah orang-orang yang mendahului pada mencapainya".

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah ini, mimbar ingin mengingatkan seluruh umat Islam agar melaksanakan perkara-perkara berikut;

1. Umat Islam hendaklah meyakini kematian adalah sesuatu yang pasti berlaku dan segala amalan di dunia ini akan dibalas di akhirat kelak.
2. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa kebahagiaan di akhirat bergantung kepada amalan-amalan kebaikan semasa di dunia. Oleh itu berlumba-lumbalah melakukan amalan kebaikan semasa di dunia ini.
3. Umat Islam hendaklah melaksanakan amalan-amalan fardhu dan ditambahkan dengan amalan-amalan sunat terutama sekali dalam bulan Ramadhan yang bakal tiba ini.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
* وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا
السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

"Dan bersegeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang luasnya seluas langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang bertaqwa".

(Surah ali-Imran; 133).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrem yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ



الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد
العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَ عَهْدِ
سَلَاغُورَ، تَعَكُّو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الدِّينِ ادريس شاه الحاج في أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِّلْ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**
JAIS/Nurul
17.05.2016